

14 FEB 2001

Chua-Anwar

ANWAR HARUS BERTANGGUNGJAWAB BAGI PEMBEDAHAN OLEH PAKAR JERMAN

KUALA LUMPUR, 14 Feb (Bernama) -- Menteri Kesihatan Datuk Chua Jui Meng berkata bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim harus bertanggungjawab bagi pembedahan yang dijalankan oleh pakar bedah dari Jerman kerana beliau sendiri yang membuat keputusan memohon mendapatkan khidmat pakar asing.

"Saya sekali lagi ingin menegaskan, jika ada sesuatu yang tersilap, beliau sebagai pesakit yang memohon keistimewaan ini harus bertanggungjawab. Apakah yang tidak wajar mengenainya?" kata beliau kepada pemberita di kementerian di sini, hari ini.

Semalam, isteri Anwar Datin Seri Dr Wan Azizah Ismail berkata beliau berterima kasih kepada kerajaan kerana membenarkan seorang pakar tulang belakang dari Jerman bagi merawat Anwar tetapi berpendapat tiga lagi syarat yang dikenakan adalah "terlalu berat".

Tiga syarat itu ialah Anwar bertanggungjawab terhadap semua risiko dan kecacatan, pakar itu harus memeriksanya dalam tempoh 14 hari dari 19 Feb dan pemeriksaan dijalankan di Hospital Kuala Lumpur sahaja.

Syarat lain yang dipersetujui oleh keluarga Anwar ialah bagi membiayai semua kos, bayaran dan apa-apa perbelanjaan berkaitan perundingan, pemeriksaan, prosedur dan rawatan yang dijalankan oleh pakar dari Jerman itu, Dr Thomas Hoogland.

Keluarga Anwar juga menerima syarat membenarkan pakar bedah tempatan hadir semasa pemeriksaan perubatan dan pembedahan.

Chua berkata, Anwar harus mempunyai keyakinan seperti Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan beliau sendiri, yang pembedahan yang mereka jalani dilakukan oleh pakar bedah tempatan.

"Saya sebagai rakyat Malaysia, menaruh keyakinan kepada pakar tempatan, dalam kepakaran mereka," kata beliau sambil berkata kerajaan menyediakan sekumpulan lapan pakar untuk menjaga bekas Timbalan Perdana Menteri itu.

"Jika saya menjadi Datuk Anwar... saya dalam kesakitan dan ada sekumpulan lapan pakar yang berkebolehan yang menjaga saya, saya akan menjalani pembedahan itu dengan segera jika mereka meminta saya berbuat demikian," kata beliau.

Anwar, yang dirawat di Hospital Kuala Lumpur sejak November, kini menjalani hukuman penjara enam tahun kerana kesalahan menyalahgunakan kuasa dan sembilan tahun lagi bagi kesalahan liwat.

-- BERNAMA

MHI ZS FAZ